



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**PENGURUSAN PENGENDALIAN PEPERIKSAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2025
DALAM SITUASI BENCANA ALAM**

Kementerian Pendidikan (KPM) cakna dengan keselamatan dan kebajikan calon serta petugas peperiksaan dalam menghadapi sebarang kemungkinan bencana alam khususnya banjir menjelang peperiksaan SPM Tahun 2025.

KPM sentiasa bekerjasama dengan agensi kerajaan seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Meteorologi Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan agensi lain yang berkaitan untuk memastikan pengurusan dan pengendalian peperiksaan SPM Tahun 2025 berjalan lancar.

Calon peperiksaan SPM Tahun 2025 dinasihatkan untuk memaklumkan kepada pihak sekolah atau Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dengan segera sekiranya terlibat dan terkesan dengan bencana alam. Calon juga boleh menghubungi bilik gerakan Lembaga Peperiksaan dan JPN di seluruh negara seperti di **Lampiran**.

KPM sentiasa dalam keadaan siap siaga dan komited dengan langkah persediaan serta operasi standard yang sewajarnya bagi memastikan peperiksaan SPM Tahun 2025 dapat diteruskan dengan lancar dan teratur. KPM juga mendoakan agar semua calon dapat menduduki peperiksaan dalam keadaan selamat.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
24 OKTOBER 2025**

LAMPIRAN

BILIK GERAKAN LEMBAGA PEPERIKSAAN DAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI

Lembaga Peperiksaan (03-8889 3520 | 03-8889 3551 | 03-8889 3601)

BIL.	SEKTOR PENTAKSIRAN DAN PEPERIKSAAN, JPN NEGERI	NOMBOR TELEFON
1.	Perlis	04-973 7632 04-973 7631
2.	Kedah	04-740 4237 04-740 4235 04-740 4247
3.	Pulau Pinang	04-263 1472
4.	Perak	05-501 5170 05-501 5177 05-501 5264
5.	Selangor	03-5518 6112
6.	Negeri Sembilan	06-765 3347
7.	Melaka	06-232 6467 06-232 3780
8.	Johor	07-231 0049 07-231 0050 07-231 0051
9.	Pahang	09-571 5736
10.	Terengganu	09-621 3030
11.	Kelantan	09-744 1411
12.	Sabah	013-874 4187 010-955 6458
13.	Sarawak	082-473 527 082-473 519 082-473 534
14.	WP Labuan	087-468 623
15.	WP Putrajaya	03-8889 0083
16.	WP Kuala Lumpur	03-6204 6180